

BELALANG DALAM AL-QURAN ...



Selain labah-labah, semut, lebah dan lalat, belalang (*al-Jarad*) dan kutu (*al-Qummal*) adalah antara serangga yang Allah SWT rakamkan nama dan kisah mereka di dalam al-Quran.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Qamar ayat 7 :

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
خَشَعًا أَبْصَرُهُمْ يَخْرُجُونَ مِنَ الْأَجْدَاثِ كَأَنَّهُمْ جَرَادٌ
مُنْتَشِرٌ

Sedang pandangan mereka tunduk ke bawah, mereka keluar dari kubur seolah-olah belalang yang bertebaran.

Belalang Bertebaran: Gambaran ini menunjukkan manusia bergerak keluar dari kubur menuju ke Padang Mahsyar dalam jumlah yang sangat banyak, tidak terarah, berada dalam keadaan sangat panik dan bergerak cepat sama seperti belalang yang bertebaran keluar dari tempat tinggal atau tempat persembunyian.

Keadaan Manusia: Pada saat itu manusia berasa amat takut dan cemas, tidak lagi

memikirkan orang lain, dan menundukkan pandangan kerana ketakutan.

Para ulama tafsir menjelaskan bahawa perumpamaan "belalang yang bertaburan / bertebaran" (*jaradun muntashir*) digunakan kerana pada hari tersebut, manusia berada dalam keadaan bingung, huru-hara, dan bergerak ke sana ke mari tanpa hala tuju yang tetap kerana terlalu ramai, sama seperti gerombolan belalang. Berada dalam keadaan sangat panik, menundukkan pandangan kerana kehinaan dan ketakutan terhadap apa yang bakal dihadapi. Sama seperti belalang yang keluar bertaburan dan bergerak cepat kerana ketakutan.

Dalam hadis pula, Rasulullah SAW memberikan gambaran tentang keadaan fizikal manusia saat itu:

Dihimpunkan tanpa pakaian: Daripada Aisyah RA, Rasulullah SAW bersabda bahawa manusia akan dihimpunkan dalam keadaan tidak berkasut, bertelanjang, dan tidak berkhatan. (Hadis Riwayat Bukhari & Muslim).

Tenggelam Dalam Peluh: Manusia akan tenggelam dalam peluh mengikut kadar amalan masing-masing (Hadis Riwayat Muslim).



Di dalam surah al-A'raf ayat 133 Allah SWT menyebut belalang di dalam ayat yang menceritakan tentang azab yang diturunkan kepada Firaun dan pengikut-pengikutnya

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمُ الطُّوفَانَ وَالْجَرَادَ وَالْقُمَّلَ
وَالضَّفَادِعَ وَالْدَّمَاءَ آيَاتٍ مُفَصَّلَاتٍ
فَأَسْتَكْبَرُوا وَكَانُوا قَوْمًا مُّجْرِمِينَ ﴿١٣٣﴾

"Maka Kami kirimkan kepada mereka taufan, belalang (*al-jarad*), kutu (*al-qummal*), katak dan darah sebagai tanda-tanda yang jelas, tetapi mereka tetap menyombongkan diri dan mereka adalah kaum yang berdosa."

Makna dan Tafsiran

Selepas taufan, mereka diganggu oleh belalang. Menurut para ulama dan ahli tafsir, seperti Ibn Kathir, serangan ini bukan sekadar fenomena alam biasa.

Belalang (*Al-Jarad*) datang dalam jumlah yang sangat besar dan memusnahkan tanaman, buah-buahan, serta semua sumber makanan kaum Firaun hingga mereka mengalami kebuluran.

Pada waktu itu belalang ada di mana-mana. Bukan sahaja memakan tanaman yang telah menjejaskan sumber makanan mereka, tetapi belalang-belalang ini juga telah berada di dalam rumah, luar rumah, atas katil, bawah katil, dalam bekas-bekas makanan dan minuman dan sebagainya. Ada diceritakan bahawa belalang-belalang itu memakan pintu-pintu kayu dan barang-barang rumah yang dijadikan daripada kayu. Hal ini terjadi hanya kepada rumah bangsa Qibti sahaja, tidak kepada rumah-rumah Bani Israel, walaupun rumahnya di sebelah sahaja. Keadaan ini akhirnya mengganggu dan menyusahkan kehidupan mereka.

Sebab Penurunan Azab

Azab ini dihantar oleh Allah SWT sebagai **peringatan** supaya Firaun dan kaumnya bertaubat dan membebaskan Bani Israil. Walau bagaimanapun, setiap kali azab

itu diangkat, mereka kembali sombong dan mengingkari janji kepada Nabi Musa AS.

Sebelum ini dalam ayat 131 Allah SWT menceritakan : "kemudian apabila datang kepada mereka kesenangan mereka berkata: 'ini ialah hasil usaha kami', dan jika mereka ditimpa kesusahan, mereka mengatakan nahas dan malang itu disebabkan oleh Nabi Musa dan pengikut-pengikutnya. (Firman Allah) 'Ketahuilah, sesungguhnya nahas dan malang itu adalah ketetapan dari Allah tetapi kebanyakan mereka tidak mengetahui.'" (al-A'raf :131)

Allah SWT juga menyebut "*al-Qummal*" iaitu kutu dan beberapa azab lain yang ditimpakan kepada Fir'aun dan pengikut-pengikutnya dalam ayat 133 ini.

"Maka Kami kirimkan kepada mereka taufan, belalang (*al-jarad*), kutu (*al-qummal*), katak dan darah sebagai tanda-tanda yang jelas, tetapi mereka tetap menyombongkan diri dan mereka adalah kaum yang berdosa."

Sebelum belalang, Allah SWT telah mendatangkan Taufan iaitu banjir besar yang membinasakan kebun & rumah-rumah mereka. Selain daripada belalang, yang tersangat banyak menyerang kebun & tanaman mereka, Allah SWT juga mendatangkan kutu, katak dan darah yang menggantikan air yang selama ini menjadi keperluan asas kehidupan mereka, sebagai balasan atas kesombongan yang akhirnya menimbulkan azab kepada kehidupan mereka.

Dalam ayat-ayat yang lain Allah SWT menceritakan bahawa bala yang menimpa Fir'aun dan kaumnya adalah disebabkan oleh kekufuran mereka. Terdapat 9 bentuk azab yang telah Allah turunkan kepada mereka, iaitu : kemarau, kekurangan buah-buahan, kekurangan harta, kehilangan nyawa manusia, banjir, belalang, kutu, katak, air menjadi darah.

Semua bala ini datang satu-persatu, tidak putus-putus, dalam jarak masa yang lama' dan bukan serentak tapi bertalu-talu.

Taufan yang membinasakan, belalang dan kutu yang menyerang tanaman serta memusnahkan harta benda, katak yang

mengganggu sehingga memenuhi setiap sudut dalam rumah. Serta air yang bertukar menjadi darah, sehinggkan semua bekas air dipenuhi darah dan air perigi dan sungai adalah darah. !

Semua bala ini merupakan **tanda-tanda dan bukti yang jelas nyata** supaya Firaun dan pengikutnya nampak kebenaran. Tujuan Allah SWT turunkan ujian ini adalah supaya mereka insaf dan mengambil pelajaran & i'tibar, kenal Allah dan beriman kepada-Nya. Namun Firaun dan kaumnya adalah orang-orang yang sombong.

Kajian menunjukkan terdapat pelbagai spesies belalang di seluruh dunia. Ia boleh ditemui di kawasan padang rumput hingga ke hutan tropika. Dalam keadaan tertentu, belalang boleh bertukar menjadi **locust (Belalang Juta)** – iaitu bentuk kawanan yang agresif dan merosakkan tanaman dalam skala besar.

Belalang juta merupakan antara bencana yang amat ditakuti oleh semua penduduk dunia. Ini kerana kedatangannya merupakan tanda bakal bermulanya krisis kebuluran - akibat kemusnahan tanaman untuk ternakan dan juga sumber makanan manusia. Kumpulan belalang mencecah jutaan ahli dan jumlah ini akan berganda dalam tempoh beberapa minggu sahaja dan akan memusnahkan tanaman/tumbuhan di setiap kawasan dalam laluan.

Contohnya pada tahun 1875 serangan belalang yang dikenali sebagai *Albert's Swarm* menyerang United States di bahagian Barat Missouri. Ini diikuti pula oleh serangan belalang yang menyerang Palestin, Lebanon dan Syria yang dikenali sebagai *1915 Ottoman Syria Locust Infestation*. Pada tahun 2003 - 05 pula serangan belalang yang dikenali sebagai *Africa Locust Infestation* - yang menyerang bahagian Barat Benua Afrika. Pada 2013 pula serangan belalang yang dikenali sebagai *Madagascar Locust Infestation*, menyerang kepulauan tersebut dengan jumlah yang dikatakan mencapai berbillion belalang. Pada 2016 pula Argentina mengalami serangan belalang yang dikatakan terburuk di dalam tempoh 60 tahun. Kumpulan belalang ini terus bergerak ke kawasan-kawasan lain termasuk Paraguay dan menghala ke Selatan Brazil.

Semua ini juga merupakan amaran dan peringatan daripada Allah SWT terhadap

manusia sebagai hamba dan khalifah di mukabumi ini, bukan hanya di zaman Fir'aun tetapi bila-bila saja bila Allah SWT menghendaknya..



Sikap Firaun :

- ❖ Amat buruk sifat & banyak karenanya. Apabila mendapat kesenangan mereka mengatakan itu semua adalah daripada hasil usaha mereka sendiri, tidak dinisbahkan kepada Allah SWT dan mereka tidak bersyukur kepada Allah SWT .
- ❖ Apabila datang ujian dan bala ke atas mereka; mereka mengatakan nahas dan malang itu disebabkan oleh Nabi Musa AS dan pengikut-pengikutnya. Mereka menganggap Nabi Musa yang membawa kesialan dalam masyarakat mereka. Allah SWT balas dan membidas anggapan buruk mereka, dengan mengatakan segala kesialan dan azab itu bukan sebab Nabi Musa AS tetapi kerana mereka yang tidak beriman.
- ❖ Antara kesombongan Fir'aun ialah mereka mengatakan apa sahaja mukjizat

yang Musa AS bawa adalah sihir. Mereka menegaskan bahwa mereka sama sekali tidak akan beriman kepada Nabi Musa AS.

- ❖ Mereka sama sekali tidak dapat membezakan antara mukjizat dengan sihir.
- ❖ Kata-kata Firaun dan pengikut-pengikutnya ini sama seperti kata-kata orang-orang kafir jahiliyyah kepada Rasulullah SAW, mereka menyalahkan Baginda SAW apabila ada kesusahan & perkara yang buruk menimpa mereka.
- ❖ Sikap mereka sama sahaja, apabila ditimpa musibah mereka datang menemui para Nabi Allah dan minta mendoakan mereka, tetapi setelah terlepas daripada azab mereka kembali kufur. Mereka mungkir janji dan tidak bersyukur.
- IBRAH daripada penceritaan Allah SWT tentang belalang di dalam al-Quran :

Surah al-Qamar ayat 7:

- ❖ Allah SWT menggambarkan manusia akan bangkit daripada kubur menuju ke padang Mahsyar sama keadaannya seperti belalang yang berjalan menundukkan pandangan seperti ketakutan dan bergerak bertebaran di mukabumi. (Surah al-Qamar: 7).
- ❖ Ayat ini adalah untuk memberi kesan rasa takut ke dalam jiwa setiap mukmin bagi menghadapi hari kiamat dan kebangkitan semula .

Surah al- A'raf ayat 133 :

- ❖ Maha Hebatnya Allah SWT al-Mutakabbir. Menjadikan makhluk yang teramat kecil mampu mengalahkan manusia yang merasakan dirinya hebat. Bukan belalang dan kutu itu yang hebat, yang hebat ialah Allah SWT.
- ❖ Allah SWT Maha Perkasa (al-Qahhar, al-Jabbar), Maha Bijaksana (al-'Alim) lagi Maha Kaya (al-Ghaniyy) . Keengkarannya manusia sedikit pun tidak menjejaskan kekuasaan-Nya.

- ❖ Allah SWT Maha berkuasa menjadikan makhluknya yang kecil sebagai bala tentera-Nya yang mampu memusnahkan tamadun manusia yang merasakan dirinya hebat dan berkuasa .
- ❖ Sikap orang-orang Kafir yang sombong dan kufur terhadap Allah dan Rasul-Nya akan menerima azab daripada Allah SWT.
- ❖ Apabila Allah SWT menunjukkan kemurkaan-Nya dengan menurunkan bala dan azab , tidak ada sebarang kuasa yang boleh menahan dan melawan-nya. Orang yang sombong dengan Allah SWT akan menerima balasan setimpal sesuai dengan kesombongannya. Misalnya Firaun yang merasa dirinya hebat, memiliki kekuasaan yang hebat akhirnya dihina oleh Allah dengan makhluk yang paling kecil . Tamadun yang hebat musnah dalam sekelip mata



REFLEKSI DIRI

- ✧ Jangan takut kepada makhluk, takutlah kepada Allah. Laksanakan apa yang diperintah, tinggalkan segala yang dilarang.
- ✧ Sentiasa meyakini kekuasaan Allah SWT .
- ✧ Jangan sombong dengan Allah SWT.
- ✧ Mohonlah perlindungan kepada Allah dengan berdoa kepadanya :



- ✧ Jangan kagum kepada makhluk, kagumlah kepada Allah SWT
ucaplah : :



- ✧ Sentiasa mengingati Allah. Baca al-Quran , tadabbur dan banyakkkan zikir.



- ✧ Berusaha istiqamah dalam melaksanakan amalan kebaikan . Biar sedikit, tapi istiqamah.
- ✧ Banyak bersyukur atas setiap nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT.



- ✧ Wallahu a'lam. Semoga bermanfaat.

*Artikel ini ditulis oleh
Dr Farahdina Abd Manaf
& Dr Huzaimah Ismail

4 Zulhijjah 1447 / 20 Mei 2026